

## **KELESTARIAN ALAM SEKITAR DAN PEMELIHARAANNYA MENURUT MAQASID SYARIAH**

**FAKHRI SUNGIT**

**ROSLI MOKHTAR**

**HAIRULLFAZLI MOHAMAD SOM**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

Mutakhir ini telah wujud pelbagai bentuk pencemaran alam sekitar disebabkan oleh kerakusan manusia untuk mengejar keuntungan dunia dan material melalui aktiviti pembangunan serta komersial yang boleh merosakkan kelestariannya. Kesan daripada aktiviti yang tidak terkawal ini menyebabkan kerosakan keseluruhan ekosistem kehidupan manusia seperti perubahan suhu dunia, pemanasan global, hakisan tanah dan berbagai lagi. Natiujahnya asas penjagaan daruriyyat manusia akan terancam dan boleh musnah dalam jangka masa pendek atau pun panjang. Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan konsep kelestarian alam sekitar dan pemeliharannya berdasarkan kerangka fikir maqasid syariah melalui nas-nas di dalam al-Quran dan hadith nabi S.A.W. Kajian ini akan menggunakan metodologi kualitatif melalui rujukan daripada al-Quran dan hadith dan dianalisis secara induktif untuk mencapai tema penting dalam kelestarian alam sekitar. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kelestarian alam sekitar bukanlah sekadar isu moral atau urusan peribadi yang bersifat *furu'* semata-mata, bahkan ianya adalah urusan agama yang selama ini dipandang sepi oleh kebanyakan umat Islam. Isu kelestarian alam sekitar perlu diletakkan sebagai agenda penting umat Islam yang merangkumi hak dan tanggungjawab secara kolektif demi menjaga keperluan daruriyyat seperti di dalam kerangka fikir maqasid syariah.

**Kata kunci:** kelestarian, alam sekitar, maqasid syariah, ekosistem dan daruriyyat

### **1. Pendahuluan**

Kebelakangan ini terdapat isu-isu alam sekitar yang semakin serius wujud hasil daripada berlakunya penggunaan dan eksploitasi sumber alam yang tidak terurus dan berleluasa. Masalah ini bukan lagi dilihat sebagai isu nasional malah ianya telah menjadi isu seluruh dunia yang mengancam kehidupan sejagat. Kesan daripada eksploitasi ini telah menyebabkan berlaku pencemaran alam sekitar dan ini boleh dirasai apabila pada pertengahan tahun 2010 terjadi pertambahan suhu dunia secara mendadak kerana penipisan lapisan ozon bumi (Imaaduddin & Noor Shakirah: 2016).

Malaysia juga tidak pernah sunyi daripada isu eksploitasi alam sekitar sehingga berlakunya bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, peningkatan suhu dan lain-lain. Antara aktiviti yang melampaui batas ialah seperti penebangan pokok hutan yang berleluasa, pembuangan sisa toksik ke sungai-sungai, penjarahan hutan dan bukit secara haram untuk pembangunan serta sebagai tempat pertanian demi mencari keuntungan yang berlipat kali ganda (Berita Harian: 8 Ogos 2014).

Kelestarian alam sekitar merupakan satu bentuk ekosistem kehidupan yang saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Norhibah Hasan Zawawi (1999) mengatakan bahawa ekosistem terdiri daripada faktor-faktor biologi yang saling bergantung sesama sendiri, iaitu di antara faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal. Maka manusia sangat bergantung kepada kepada kehidupan lain termasuk flora dan fauna untuk meneruskan survival manusia untuk jangka masa panjang.

Menyedari akan hakikat bahawa alam sekitar merupakan amanah daripada Allah untuk dipelihara, artikel ini akan membincangkan secara tuntas berkaitan cara fikir Islam terhadap kelestarian alam sekitar dengan mengambilkira perspektif daripada al-Quran dan Sunnah.

## **2. Isu Alam Sekitar Dalam Kerangka Fikir Islam**

Isu kelestarian alam sekitar tidak dibincangkan secara tuntas bagi sebahagian agamawan dan masyarakat Islam secara amnya. Ini disebabkan perbincangan agama lebih terarah kepada isu yang lebih sensasi seperti isu sensitiviti agama dan hukum-hukum furu' yang mendapat perhatian masyarakat berbanding isu alam sekitar itu sendiri. Hampir kebanyakan kuliah atau ceramah agama berlegar kepada tema hukum dan ibadat khusus sahaja. Ini menjadikan isu alam sekitar menjadi sepi dan dianggap sebagai isu yang tidak penting atau hanya terkait kepada isu moral atau sosial semata-mata (Muhammad Ghufuran: 2010). Sedangkan isu kelestarian alam sekitar adalah isu Syariah yang perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat Islam. Kefahaman masyarakat terhadap ilmu maqasid Syariah yang rendah juga menjadi sebab mengapa isu kelestarian alam sekitar ini tidak menjadi agenda penting umat Islam kerana ilmu ini mampu mendidik masyarakat mengetahui bagaimana untuk meletakkan keutamaan dan kedudukan sesuatu perkara itu di dalam neraca Syariah.

Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan beberapa objektif penting iaitu (i) memberi tema kelestarian alam sekitar menurut al-Quran dan Sunnah, dan (ii) membangunkan kerangka fikir maqasid Syariah tentang kelestarian alam sekitar.

Perbincangan melalui objektif ini diharap mampu membina cara fikir yang lebih sistematik oleh umat Islam supaya gagasan hukum tidak dihadkan kepada tema hukum-hakam syara' yang berkaitan ibadah semata-mata, bahkan kelestarian alam sekitar atau fiqh al-bi'ah dan pemeliharannya juga adalah sebahagian daripada komponen hukum di dalam Islam yang tidak boleh dipisahkan dengan wacana fiqh semasa.

## **3. Tema Kelestarian Alam Sekitar Menurut Al-Quran Dan Sunnah**

Di bahagian ini penulis akan mengeluarkan beberapa tema penting yang disebutkan di dalam al-Quran dan Sunnah berkaitan kepentingan melestarikan alam sekitar dan larangan untuk memusnahkannya.

### **Kepentingan Akal Sebagai Alat Berfikir Tentang Kejadian Alam.**

Jika diteliti penggunaan istilah akal dalam pelbagai bentuk di dalam al-Quran, nyata sekali bahawa al-Quran meletakkan akal pada kedudukan yang amat tinggi. Misalnya, perkataan yang mempunyai kata teras (ilmu) yang berkaitan rapat dengan akal telah diulang sebut sebanyak 750 kali di dalam al-Quran, dan ia merupakan perkataan ketiga banyaknya disebut selepas perkataan Allah (2800 kali) dan Rabb (950 kali), sekaligus menggambarkan kepentingannya

dalam skema keutamaan istilah-istilah al-Quran (Maad et al.: 2017). Begitu juga terdapat hubungan antara istilah akal dan fikir dengan kewujudan alam semesta.

Bumi merupakan tempat tinggal manusia dan manusia hendaklah bertanggungjawab untuk menjaganya kerana ianya berkait rapat dengan kehendak Islam. Alam ini adalah milik Allah secara mutlak yang dipinjamkan kepada manusia untuk kelangsungan kehidupan dan pembinaan ketamadunan. Firman Allah Taala:

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهِنَّ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*“Milik Allah kerajaan langit dan bumi dan apa yang ada di dalamnya; dan Dia Mahakuasa atas segala sesuatu.” (Al-Maidah: 120)*

Ayat di atas menunjukkan alam ini adalah tempat pinjaman yang sementara bagi manusia untuk tinggal di dalamnya, dan pemilik mutlaknya adalah Allah Taala. Maka alam dunia sebagai tempat persinggahan ini hendaklah dipelihara oleh manusia untuk kelangsungan kehidupan sehingga ke generasi yang akan datang. Dengan itu maka turunnya hukum syarak untuk manusia berusaha dan berikhtiyar dengan berpandukan hukum yang ditetapkan oleh Allah Taala. Sebagai tempat tinggal sementara, umat Islam hendaklah menggunakan kekuatan akal fikiran untuk memahami kepentingan alam sekitar dan hubungannya dengan kehidupan semua makhluk di samping melakukan urusan dan aktiviti kemanusiaan. Firman Allah Taala:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَفُلُوكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

*“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.” (Al-Baqarah: 164)*

Interaksi antara manusia dan alam sekitar adalah sangat penting kerana manusia mampu mengambil manfaat yang besar daripada kejadian alam ini. Namun ianya akan sia-sia jika kekuatan akal fikiran yang diberikan oleh Allah tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Akal fikiran mampu menjadikan manusia memahami cara yang betul untuk berinteraksi dengan alam dan menguruskannya dengan sempurna. Fenomena alam ciptaan tuhan adalah cerminan kasih sayang Allah kepada hambaNya untuk mereka menginsafi tentang kewujudan diri mereka melalui kekuatan akal yang sihat. Firman Allah Taala:

وَهُوَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ ۚ وَهُوَ الَّذِي أُنزِلَ فِي الْأَقْلَامِ تَنْعِقُونَ

*“Dan Dialah yang menghidupkan dan mematikan, dan Dialah yang (mengatur) pertukaran malam dan siang. Maka apakah kamu tidak memahaminya?” (Al-Mu’minun: 79)*

Peranan akal adalah untuk berfikir tentang kejadian alam supaya dapat mengenali tuhan yang esa. Perkembangan ilmu sains sepatutnya menjadikan manusia semakin tunduk dan patuh

kepada penciptanya dan menanamkan tauhid di dalam hati. Mereka yang ingkar dengan perintah tuhan akan dicampakkan ke dalam neraka seperti mana orang-orang kafir yang tidak menggunakan akal ketika hidup di dunia. Firman Allah Taala:

وَقَالُوا وَالْوَاوُءُ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ

“Dan mereka (orang kafir) berkata, kalaulah kami dahulu mendengar dan menggunakan akal kami, tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka.” (al-Mulk: 10)

Akal yang sihat menjadi jambatan kepada manusia berfikir tentang alam ciptaan Allah. Betapa luasnya rahmat Allah kepada manusia dengan menciptakan alam yang saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Manusia sebagai makhluk berakal sentiasa menginsafi bahawa semua isi dunia yang diciptakan ini adalah untuk kemudahan hidup manusia itu sendiri. Maka apakah yang menjadikan manusia itu lupa sehingga memusnahkan alam hanya untuk mendapatkan keuntungan peribadi? Di mana letaknya akal yang sepatutnya digunakan untuk menjaga alam sekitar supaya manusia dapat mengambil manfaat daripadanya? Jika manusia meneliti dan berfikir tentang kejadian alam, maka alangkah beruntungnya manusia itu apabila mengetahui betapa luasnya rahmat Allah kepada manusia melalui ekosistem yang diciptakan oleh-Nya.

يُنْبِتُ لَكُمْ بِهِ الزَّرْعَ وَالزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman; zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan.” (Al-Nahl: 11)

Kesimpulannya, akal yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia perlulah digunakan sebaiknya untuk mencari ilmu dan petunjuk kebenaran serta memahami hakikat diri dan hakikat alam semesta supaya pada akhirnya dapat mengukuhkan keimanan kepada pencipta yang Maha Esa. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا هَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى جَنَّةٍ

"Barang siapa menempuh satu jalan (cara) untuk mendapatkan ilmu, maka Allah pasti mudahkan baginya jalan menuju syurga." (HR. Muslim)

### **Kerosakan Alam Disebabkan oleh Tangan Manusia**

Kesan buruk yang timbul akibat daripada manusia tidak memimpin akal ke arah kebaikan, maka akan berlakunya kerosakan dan kemusnahan di bumi Allah. Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menyeru manusia untuk tidak membuat kerosakan di bumi Allah. Jika akal digunakan dengan cara yang salah, maka manusia cenderung untuk melakukan kerosakan. Oleh sebab itu Allah Taala sentiasa mengingatkan untuk tidak membuat kerosakan alam seperti firman Allah di dalam suarh al-A'raf:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

“Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan

dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik". (Al-A'raf: 56)

Di dalam ayat yang lain Allah Taala berfirman:

وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْنُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

“Dan janganlah kamu merugikan manusia pada hak-haknya dan janganlah kamu merajalela di muka bumi dengan membuat kerusakan.” (al-Syuara’: 183)

Lihatlah betapa Islam mengajar manusia agar bijak mengurus alam semesta yang dihuni bukan sahaja oleh manusia, tetapi juga haiwan dan tumbuhan. Kesemua ciptaan ini saling berhubungan secara fitrah dan saling memerlukan antara satu sama lain. Sekiranya ada penghuni alam ini tidak dapat berfungsi memberi manfaat kepada yang lain, maka pastinya akan berlaku ketidakseimbangan terhadap ekosistem alam. Penciptaan makhluk Allah SWT di atas dunia ini termasuk pelbagai jenis haiwan dan tumbuhan tidak boleh dimusnahkan sesuka hati manusia demi untuk memenuhi kehendak mereka. Kemusnahan alam akan berlaku sekiranya manusia gagal mengurus alam seperti mana yang ditetapkan oleh-Nya.

Bencana alam yang berlaku di mana-mana adalah berkaitan dengan ketidakseimbangan ekosistem. Bencana alam boleh berlaku seperti banjir, jerebu, tanah runtuh dan lain-lain di mana ianya boleh memberikan ancaman kepada nyawa manusia secara amnya. Fenomena bencana alam yang berlaku adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia itu sendiri yang tidak menghargai alam sekitar dengan melakukan kerosakan kepadanya. Dalam surah al-Rum Allah Taala berfirman:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا عَلَيْهِمْ لِيَرْجَعُونَ

“Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”. (al-rum: 41)

Di dalam hadith juga Rasulullah SAW sentiasa memberi ingatan supaya menjaga kelestarian alam sekitar melalui perbuatan yang baik dan beradab. Terdapat perbuatan-perbuatan kecil manusia jika tidak dicegah akan memberikan kerosakan besar kepada manusia.

Rasulullah SAW ada bersabda mafhumnya: "Takutlah (jauhilah) kalian kepada tiga perkara yang menyebabkan kalian dilaknat iaitu membuang hajat di tempat-tempat sumber air, di tempat berteduh serta di tengah-tengah jalan." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Di dalam hadith yang lain Baginda juga ada bersabda: "Takutlah (jauhilah) dua perbuatan terkutuk." Sahabat bertanya: "Apakah kedua perbuatan itu, wahai Rasulullah?" Jawab baginda: "Orang yang membuang hajat di jalan tempat orang ramai melintas atau di tempat mereka berteduh (seperti di bawah pokok)." (Hadis riwayat Muslim)

Peringatan daripada Rasulullah SAW ini menunjukkan betapa Islam amat mementingkan kebersihan alam sekitar. Apatah lagi melibatkan tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti jalan, tempat berteduh, sumber air dan sebagainya. Maka manusia

dilarang mengotori tempat-tempat tersebut kerana perbuatan mencemarakannya menjadi punca berlakunya masalah yang menjejaskan ekosistem alam dan juga hubungan kemanusiaan.

Walaupun perbuatan-perbuatan tersebut boleh dianggap sebagai perkara yang kecil, namun jika ianya tidak dicegah, ianya akan mengakibatkan kesan yang buruk yang lebih besar kepada kehidupan manusia pada masa akan datang. Pada hari ini kerakusan manusia yang melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan alam sekitar boleh dilihat dengan aktiviti seperti pembalakan, pembuangan sisa-sisa toksik ke sungai dan laut, melepaskan asap-asap yang berlebihan dan beracun daripada industri perkilangan, meratakan bukit dan tanah, aktiviti pembangunan yang tidak terancang dan sebagainya. Apakah semua aktiviti seperti ini diizinkan daripada neraca Islam? Jika manusia mengetahui kesan buruk yang bakal berlaku jika aktiviti kerosakan alam ini berterusan, maka mengapa ianya masih berlaku dan berterusan? Di dalam al-Quran Allah Taala berfirman:

وَلَا تُفْسِدُوا بِأَيْدِيكُمْ فِي مَا تَنهَأَكُمُ عَنْهُ

“... dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan ...” (al-Baqarah: 195)

Di sini adalah signifikan kepada institusi agama dalam mempertahankan kelestarian alam. Hingga hari ini isu kelestarian alam sekitar banyak diperjuangkan oleh segelintir masyarakat pencinta alam melalui persatuan dan NGO atau orang perseorangan. Sedangkan institusi Islam sendiri sepatutnya lebih ke depan dalam memperjuangkan soal kelestarian alam sekitar sebagai tempat manusia berteduh dan hidup bersama makhluk yang lain.

### Menjaga Keseimbangan Alam Untuk Manfaat Manusia

Noor Syakirah (2004) menyatakan konsep al-Mizan adalah sistem alam yang mengambil kira hubungan antara setiap unsur alam dan juga sesama makhluk khususnya peranan yang dimainkan oleh manusia selaku khalifah di alam ini. Sistem yang telah diwujudkan oleh Allah ini tidak akan terjejas sekiranya kerakusan dan sifat manusia dalam mengeksploitasi alam melalui aktiviti pembangunan yang melebihi batasnya dapat dielakkan. Ini kerana sistem inilah yang membentuk keseimbangan menerusi unsur-unsur tertib, harmoni dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain.

Secara fitrahnya, kesemua makhluk ciptaan Allah di langit dan di bumi bergerak mengikut peraturan sunnatullah. Peraturan ini memberi panduan kepada manusia untuk melaksanakan perintah Allah dan meneruskan kehidupan dengan mengambil manfaat daripada peraturan alam. Di dalam surah al-Hajj Allah Taala berfirman:

أَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ خَرَّكُمْ فِي الْأَرْضِ وَأَفْلَكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرٍ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ يَا نَاسُ رَوْفٍ رَجِيمٍ

“Apakah kamu tiada melihat bahwasanya Allah menundukkan bagimu apa yang ada di bumi dan bahtera yang berlayar di lautan dengan perintah-Nya. Dan Dia menahan (benda-benda) langit jatuh ke bumi, melainkan dengan izin-Nya? Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada Manusia.” (Al-Hajj: 65)

Manusia amat bergantung harap dan memerlukan keseimbangan alam untuk kemudahan manusia dalam menepuhi kehidupan di dunia ini. Keseimbangan alam akan berlaku sekiranya manusia patuh dengan ajaran Islam sebenar dengan tidak melakukan kerosakan ke atasnya. Setiap ciptaan Allah mempunyai ukuran yang sangat seimbang dan

sekiranya berlaku sedikit perubahan maka berlakulah ketidakseimbangan kepada kehidupan alam secara keseluruhannya. Allah berfirman:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

“*Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran.*” (Al-Qamar: 49)

Sepertimana manusia itu sendiri mempunyai ciri-ciri ciptaan Allah yang sempurna dan seimbang dengan segala segi penciptaannya, maka begitu juga alam sekitar yang diciptakan Allah mempunyai keseimbangannya yang perlu dipelihara. Firman Allah Taala:

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيصُ الْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِإِقْدَارٍ

“*Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan, dan kandungan rahim yang kurang sempurna dan yang bertambah. Dan segala sesuatu pada sisi-Nya ada ukurannya.*” (al-Ra’du: 8)

Kelangsungan hidup manusia bergantung kepada tanaman dan pokok yang menjadi sumber makanannya. Malah, pokok dan tumbuhan banyak memberi manfaat kepada manusia antaranya berfungsi sebagai penahan banjir dan mengelakkan kejadian tanah runtuh. Justeru, saranan untuk memperbanyakkan penanaman pokok sebagai kempen menghijaukan bumi amat tepat untuk member kesedaran kepada manusia. Dengan adanya tanam-tanaman dan tumbuhan-tumbuhan hijau akan memberi manfaat juga kepada binatang dan unggas dan akhirnya ekosistem akan berfungsi dengan seimbang. Saranan untuk menanam pokok telah lama dipraktikkan pada zaman Rasulullah dan jika ianya dimakan oleh burung yang lain juga akan diberi ganjaran pahala oleh Allah Taala. Sabda Rasulullah SAW:

ما من مسلم يغرس غرساً أو يزرع زرعاً ، فيأكل منه طير ، أو إنسان ، أو بهيمة ، إلا كان به صدقة

“*Sesiapa daripada orang muslim yang menanam tanam-tanaman dan hasilnya dimakan oleh burung atau manusia ataupun binatang maka baginya mendapat pahala sedekah.*” (HR Imam Bukhari)

Di dalam hadith terdapat di sana juga contoh yang diberikan oleh Rasulullah SAW dalam mengawal menularan wabak penyakit supaya penyakit tidak akan tersebar ke tempat-tempat lain yang lebih memberi kemudahan. Di sini merupakan satu kaedah umum supaya keseimbangan perlu dilakukan supaya tidak berlaku kemudahan yang lebih besar. Rasulullah SAW bersaba:

إذا □ معتم بآ طاعون بأرض فلا تدخلوها، وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا منها (فقلت: أنت □ معتم يحدث □ عدا ولا ينكره؟ □ نعم)

“*Jika kalian mendengar ada wabak penyakit menyerang suatu daerah, maka janganlah kalian masuk ke sana dan jika wabak itu menimpa suatu daerah sedang kalian berada di sana maka janganlah kalian keluar melarikan diri daripadanya.*” (HR Imam Bukhari)

**Kesederhanaan dalam Kehidupan.**

Walaupun Islam sangat mementingkan kelestarian dan penjagaan alam sekitar, namun itu tidak bermakna bahawa Islam juga tidak mementingkan pembangunan. Islam juga menggalakkan pembangunan tetapi ianya mestilah berpaksikan kepada asas prinsip keserhanaan untuk kelangsungan kehidupan dan ekosistem alam sekitar. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya kesederhanaan itu sebahagian daripada iman.*” (HR Abu Daud)

Kesederhanaan dalam kehidupan juga membuktikan bahawa kita bersyukur atas setiap perkara yang dikurniakan Allah SWT. Kita bersyukur dengan apa yang dimiliki termasuk nikmat yang Allah kurniakan dengan penciptaan alam. Seharusnya, semakin kita fokus kepada perkara yang kita miliki, semakin kita sedar bahawa kita sepatutnya bersyukur dengan apa yang dimiliki. Kesederhanaan di dalam Islam dibina atas keyakinan bahawa dunia ini adalah tempat persinggahan yang sementara dan menuju ke akhirat yang kekal abadi. Pesan Rasulullah SAW kepada Abdullah Bin Umar: “*Jadikanlah (hidupmu) di dunia ibarat seorang tamu atau pengembara yang sedang singgah di tengah perjalanan.*” (HR Imam Bukhari).

Di dalam Islam, konsep kesederhanaan diambil daripada kalimah di dalam al-Quran iaitu *wasata*. Allah Taala berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

“*Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia...*” (al-Baqarah: 143)

Pengertian wasatan di dalam ayat di atas mengikut pandangan Sayyed Qutb, “Umat Islam adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan sama ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan atau keadilan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal, iaitu duduk di tengah-tengah.” Wasatan juga diertikan dengan adil dalam erti kata meletakkan sesuatu pada tempatnya. Pastinya sesuatu yang adil itu adalah bersifat sederhana antara dua pihak yang melampau. Di dalam bahasa Arab *wasatan* juga membawa erti adil iaitu benar, lurus dan betul (Haron Din: 1990).

Dalam konteks kelestarian alam sekitar, keadilan akan berlaku apabila manusia bertindak di atas prinsip kesederhanaan terhadap pembangunan. Pembangunan juga adalah penting untuk manfaat manusia tetapi perlu diberikan keadilan kepada semua makhluk Allah yang lain seperti tidak merosakkan hutan dan pokok-pokok kerana akan mengakibatkan binatang di dalamnya kehilangan habitat. Maka ekosistem alam akan mengalami kerosakan dan mudaratnya akan dikembalikan kepada manusia itu sendiri.

Prinsip kesederhanaan juga berkait rapat dengan perbuatan yang tidak melampaui batas. Seperti dalam firman Allah SWT:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

“*Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) mesjid, makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.*” (al-A’raf: 31)

Begitu juga dengan sifat membazir yang digambarkan sebagai saudara kepada syaitan. Pembaziran juga adalah lawan kepada sifat sederhana. Allah SWT berfirman:



إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ طُوَّكَانَ الشَّيْطَانُ رِيبَةَ كُفُورًا

“*Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya.*” (al-Isra’: 27)

Apa yang digambarkan di dalam ayat al-Quran di atas bahawa sifat boros atau membazir adalah satu perbuatan yang hina dan dicela oleh Allah SWT di mana ianya juga membawa kepada sifat melampaui batas. Hasilnya kerosakan akan berlaku dan ianya perlu ditanggung oleh manusia itu sendiri di atas sikap tersebut. Oleh yang demikian, kesederhanaan adalah merupakan cerminan daripada asas pemikiran atau tasawwur Islam terhadap pembangunan dalam kehidupan manusia.

### **Kebersihan adalah asas Kelestarian Alam**

Islam amat mementingkan kebersihan kerana ianya selari dengan kehendak fitrah manusia selain ianya juga menunjukkan keindahan Islam itu sendiri.

، إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ يُحِبُّ الطَّيِّبَ ، نَظِيفٌ يُحِبُّ النَّظَافَةَ ، كَرِيمٌ يُحِبُّ الْكَرَمَ ، جَوَادٌ يُحِبُّ الْجُودَ ، فَتَطَهَّرُوا ، أَرَاهُ قَا ، أَفْنِيَّتِكُمْ وَلَا تَسْبَهُوا بِأَيُّهُدٍ

“*Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi.*” (HR Imam al-Tirmizi)

Bahkan kebersihan juga adalah syarat kepada sahnya ibadah seseorang Muslim. Jika ibadah solat mensyaratkan setiap umat Islam mementingkan kebersihan, begitu juga tuntutan Islam supaya kebersihan dipelihara setiap masa dalam kehidupan. Tidak mungkin Islam hanya menitikberatkan soal kebersihan ketika seseorang Muslim hendak menunaikan ibadah sahaja sedangkan kehidupannya diselubungi kekotoran yang tidak mencerminkan imej Islam sebagai agama suci. Kebersihan yang dituntut Islam bukan hanya membabitkan diri sendiri, bahkan persekitaran yang dikelilingi pelbagai makhluk Allah.

Apabila amalan kebersihan ini dijadikan sebagai rutin seharian kehidupan manusia di dunia ini, maka kelestarian alam sekitar akan dapat dipelihara. Persekitaran melatari kehidupan manusia terdiri daripada haiwan, tumbuhan, bukit dan gunung, sungai dan laut.

Selain itu, manusia pula terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Kasih sayang sesama manusia dan makhluk lain dapat dizahirkan dengan menjaga kebersihan sebaiknya. Tidak mungkin perbuatan seseorang yang membuang sampah di merata tempat membuktikan kasih sayangnya terhadap manusia yang lain. Sampah yang dibuang itu menyebabkan bau busuk dan boleh mendatangkan lalat dan kuman berbahaya kepada kesihatan manusia. Ia juga menjadikan persekitaran dilihat tidak indah. Hal seperti itu turut membahayakan haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang berada di tempat yang kotor. Di dalam sebuah hadith Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَكَلَ وَمَا أَوْ بَصَلًا فَلْيَعْتَرْنَا أَوْ يَعْتَرْنَا مَسْجِدَنَا

“Siapa memakan bawang putih atau bawang, maka jarakkanlah mereka daripada kami, atau jarakkanlah daripada masjid kami.” (HR Bukahri)

Mafhum daripada hadis di atas ialah umat Islam dianjurkan menjaga kebersihan hatta isu bau sekalipun halal dimakan apabila berada dalam jemaah khususnya ketika menunaikan ibadah maka dilarang agar kesemua yang lain merasa selesa dan tidak tertekan dengan bau yang kurang enak. Justeru, kebersihan bukan semata-mata fizikal tetapi membawa kepada yang maknawi seperti bau yang tidak selesa.

Justeru, kebersihan telah menjadi perkara yang penting dalam perbincangan para ulama dalam perkara ibadah. Bab taharah dijadikan muqaddimah dalam ilmu ibadah, kerana ianya menjadi asas dalam segala aktiviti ibadah seorang Muslim. Di dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

فِيهِ رَجُلٌ يُحِبُّ أَنْ يَتَطَهَّرُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

“Di dalamnya (masjid) itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bersih.” (al-Taubah: 108)

Kebersihan di dalam Islam tidak hanya melibatkan suci daripada najis yang lahiriyah sahaja bahkan suci daripada najis yang bersifat ma'nawi seperti bersuci daripada hadas kecil atau besar. Firman Allah Taala:

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

“...dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah.” (al-Maidah: 6)

Di dalam hadith juga terdapat arahan-arahan supaya tidak membuat perkara yang boleh menyebabkan kekotoran dan kerosakan pada keseimbangan alam. Rasulullah SAW bersabda dan hadith Riwayat Muslim:

لَا يَبِونَ أَحَدَكُمْ فِي مَاءٍ دَائِمًا مِغْتَسِلَ مِنْهُ

“Janganlah ada dalam kalangan kamu membuang air kecil di dalam air yang tenang kemudian mandi dengan air tersebut.” (HR Imam Muslim)

Di dalam hadith yang lain, Rasulullah SAW juga melarang untuk mencelup tangan sebelum dibasuh tangannya terlebih dahulu. Nabi SAW bersabda:

إِذَا تَبَيْظَ أَحَدَكُمْ مِنْ نَوْمِهِ ، فَلَا يَغْمَسُ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ حَتَّى يَغْسِلَهَا ۚ إِذَا . فَإِنَّهُ لَا يَدْرِي أَيْنَ بَاتَتْ يَدُهُ .

“Apabila salah seorang di antara kamu bangkit dari tidurnya, janganlah dia mencelupkan tangannya ke dalam bekas air sebelum membasuhnya terlebih dahulu sebanyak tiga kali kerana dia tidak tahu dimanakah tangannya diletakkan ketika tidur.” (HR Imam Muslim)

Hadith-hadith di atas menunjukkan sikap Islam terhadap menjaga kebersihan sehingga perkara yang remeh dan kecil juga perlu diteliti kerana ianya akan memberi kesan mudarat yang besar jika tidak dikawal daripada perkara yang kecil itu.

#### 4.KERANGKA FIKIR MAQASID SYARIAH TERHADAP KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Kedudukan ilmu kelestarian alam sekitar tidak dilihat sebagai satu bidang keilmuan agama tetapi lebih menjurus kepada bidang sains hayat seperti biologi dan kimia. Kajian tentang krisis alam sekitar banyak dihasilkan oleh saintis yang menyedari tentang ancaman kerosakan alam sekitar terutamanya di zaman moden ini. Kesedaran secara langsung terhadap krisis alam sekitar ini wujud apabila terbitnya sebuah buku iaitu Silent Spring pada tahun 1962. Buku ini dihasilkan oleh Rachel Carson yang juga merupakan seorang saintis. Ia telah berjaya menyedarkan masyarakat dunia berhubung dengan krisis alam sekitar yang semakin meruncing ketika itu (Mohd. Zuhdi Marsuki & Amir Saifude Ghazali: 2002).

Amat sedikit kajian atau perbincangan tentang hukum menjaga alam sekitar melalui dimensi fiqh turath kerana fenomena kerosakan alam sekitar ini berlaku di zaman moden iaitu selepas berlakunya revolusi industri di barat. Oleh itu tradisi ilmu fiqh tidak banyak membincangkan isu alam sekitar secara terperinci bahkan banyak dibincangkan oleh para saintis dan aktivis sosial. Namun perbincangan hukum secara juz'i banyak dibincangkan di dalam fiqh taharah di mana seorang Muslim wajib melaksanakan tuntutan tentang hukum bersuci dan kebersihan yang diletakkan di dalam perkara ibadah.

Walaubagaimana pun, dalam kerangka maqasid Syariah, hukum tentang suruhan dan larangan secara juz'i adalah untuk mencapai matlamat Syariah yang bersifat kulli. Objektif Syariah itu sendiri adalah untuk mencapai kebaikan dan membuang kerosakan. Maka untuk mencapai maksud tersebut hendaklah mengamalkan perkara-perkara hukum juz'i seperti yang diperintahkan untuk mencapai kehendak syarak. Pemeliharaan alam sekitar adalah isu yang berkait dengan agama. Kerosakan alam adalah sama seperti menafikan sikap adil dan ihsan sedangkan nilai ini adalah suruhan agama. Firman Allah Taala:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْأَبْغْيِ يَعِظُكُمَ أَنْ تَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَنْزِعُ النَّاسَ مِنْ أَدْبَارِهِمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

“*Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.*” (al-Nahl: 90)

Tujuan pensyariatannya sesuatu hukum itu adalah untuk memelihara dan mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Oleh itu, melakukan kerosakan alam boleh dianggap sebagai jenayah alam sekitar dan menjadi satu kesalahan. Oleh itu, pihak berkuasa dan orang ramai hendaklah memerangi aktiviti kerosakan alam secara berleluasa dengan memberikan hukuman yang setimpal kepada pesalah. Menurut undang-undang alam sekitar, seksyen 25 AKAS bagi kesalahan membuang bahan yang mengotorkan ke dalam sungai dan ia membawa hukuman denda RM1000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan (Mohd. Bakri & Azmi: 2007).

Sudah tentu undang-undang tentang kerosakan alam sekitar ini perlu diwujudkan supaya penjagaan kepada *daruriyyat* akan terpelihara seperti yang digariskan dalam kerangka fikir maqasid Syariah. Bahkan undang-undang kerosakan alam sekitar hendaklah diperkasakan dan menambah hukuman kepada pesalah yang secara sengaja merosakkan alam sekitar di atas keuntungan peribadi.

Kerosakan alam oleh tangan-tangan manusia membawa kepada kerosakan fungsi khalifah seperti yang dipertanggungjawabkan kepada manusia. Menurut Yusuf al-Qardawi (2001) menjaga kelestarian kehidupan itu sama dengan dengan menjaga jiwa, menjaga akal, menjaga keturunan, dan menjaga harta. Secara rasionalnya apabila tempat tinggal itu selamat dan terpelihara maka kesemua komponen keperluan manusia itu juga akan terpelihara. Dalam bahagian seterusnya penulis akan membincangkan penjagaan alam sekitar mengikut kerangka maqasid Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

### **Memelihara Agama**

Objektif tertinggi kehidupan manusia adalah untuk menjadi hamba Allah yang taat pada perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya yang membawa kepada konsep *taabbudi*. Usaha menjaga kelestarian alam juga adalah seumpama menjaga agama. Kemusnahan alam membawa kepada kerosakan jiwa yang boleh mengganggu intipati hidup beragama. Tauhid yang sempurna bukan terhad kepada pengucapan iman semata-mata bahkan perlu dikukuhkan dengan pembuktian manifestasi iman tersebut melalui amal soleh dengan mematuhi segala perintah Allah serta menghadirkan sifat ihsan yang berperanan sebagai pemantau dan pengawas dalam setiap perbuatan (Khairul Azhar: 2018).

Larangan melakukan kerosakan alam sekitar seperti yang terdapat di dalam 16 ayat di dalam al-Quran (Imaduddin & Noor Shakirah: 2016) adalah merupakan suatu tuntutan wajib untuk menolak kerosakan yang diamanahkan kepada manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Oleh kerana itu, prinsip kehambaan atau taabbudi adalah matlamat tertinggi dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab memelihara dan melestarikan alam sekitar. Perbuatan melampaui batas seperti pembalakan, mengotori sungai atau pencemaran di darat dan di laut adalah menunjukkan sifat keangkuhan manusia kepada Allah dan ianya adalah lawan kepada sifat *taabbudi* atau mengingkari suruhan dan larangan Allah Taala.

### **Memelihara Nyawa**

Pemeliharaan alam sekitar berkait rapat dengan kehidupan manusia itu sendiri. Manusia sangat bergantung harap kepada ekosistem yang seimbang kerana ianya menjadi sumber kehidupan yang asasi kepada manusia. Pencemaran, kerosakan alam sekitar, pengurangan sumber dan ketidakseimbangan alam akan membahayakan hidup manusia. Ianya juga diibaratkan seperti membunuh jiwa manusia yang lain juga. Di dalam al-Quran Allah SWT menggambarkan bahawa membunuh jiwa seorang manusia seperti membunuh manusia keseluruhannya.

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

“Dan barangsiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya.” (al-Maidah: 32)

Manusia dan semua kehidupan di alam ini amat memerlukan udara sebagai sumber kehidupan. Tanpa bekalan udara yang mencukupi manusia akan mengalami kesukaran bernafas sehingga boleh meragut nyawa. Udara membekalkan oksigen yang sangat diperlukan manusia untuk pernafasan dan aktiviti-aktiviti yang lain.

Kemusnahan dan kerosakan alam sekitar untuk tujuan pembangunan dan sebagainya boleh dianggap sebagai pembunuhan secara tidak langsung terhadap manusia dan hidupan lain

yang terkesan dengan tindakan tersebut. Maka, sebarang projek pembangunan yang direncanakan sewajarnya melalui proses dan prosedur penilaian risiko yang rapi bagi menilai kesan projek tersebut terhadap alam sekitar dan hidupan persekitaran (Smith: 1996). Selain itu juga semua pihak hendaklah jujur dalam merencanakan pembangunan di satu-satu tempat dengan mengambilkira kesan kemusnahan alam sekitar dan tidak memikirkan keuntungan jangka masa pendek semata-mata. Walaupun ada kesan manfaat kepada kehidupan manusia namun terdapat juga kerosakan yang boleh mengganggu gugat ekosistem kehidupan secara keseluruhannya.

### **Memelihara keturunan**

Menjaga alam sekitar juga sama seperti menjaga keturunan. Penyelewengan dan kerosakan terhadap alam sekitar seperti meneroka dan mengambil hasil bumi secara berlebihan yg menjadi hak milik generasi akan datang dianggap sebagai mengancam kelangsungan hidup keturunan masa depan. Kerana itu sangat penting untuk mengamalkan konsep kesederhanaan dalam kehidupan dan tidak melampaui batas.

Sekiranya kita bertanggungjawab terhadap pendidikan, kesihatan, moral dan akhlak generasi akan datang, maka pastinya kita juga bertanggungjawab terhadap gejala-gejala yang boleh merosakkan alam sekitar yang akan menjadi penyebab kepada rosaknya kehidupan keturunan masa hadapan.

### **Memelihara Harta**

Dapat difahami bahawa pemeliharaan harta adalah bertujuan untuk menjaga hak pemilikan harta seseorang yang datang daripada hasil kerja dan penat lelahnya untuk meneruskan kehidupan di masa hadapan. Dalam konteks ini harta dilihat lebih dekat dengan wang ringgit, emas dan harta fizikal yang lainnya. Begitu juga dgn bumi, pokok, tanaman, binatang ternak, tempat tinggal, pakaian dan segala benda keperluan manusia juga adalah harta

Harta di dunia ini adalah bersifat sementara dan perlu diuruskan dengan baik demi kelangsungan hidup manusia untuk generasi yang seterusnya. Oleh itu penebangan pokok yang berleluasa, menarah bukit dan tanah untuk pembangunan, membuang sisa toksik ke sungai-sungai juga dianggap tidak memelihara harta kerana ianya akan mengakibatkan kemusnahan dan kehabisan sumber alam. Harta seperti ini sangat penting untuk generasi yang akan datang.

Oleh itu, pengawalan terhadap aspek pemuliharaan dan pemeliharaan sumber-sumber alam semula jadi merupakan perkara yang berkaitan rapat dengan kehidupan manusia itu sendiri. Penggunaan dan pemanfaatan sumber alam secara berhemah, terancang dan lestari perlu diutamakan bagi memastikan kestabilan dan keseimbangan sistem alam sekitar. Sebarang tindakan yang berpotensi mengakibatkan kehabisan dan kemusnahan sumber alam perlu dielakkan seperti penerokaan dan pembukaan tanah baru tanpa kebenaran, pencemaran sumber air mentah, pengeluaran bahan-bahan galian tanpa kawalan, pembalakan dan pembakaran hutan, pembangunan secara tidak terancang, pelepasan asap dan gas berbahaya ke udara, pencerobohan alam semula jadi dan seumpamanya (Jasiman Ahmad: 2003). Semua aktiviti yang merosakkan alam sekitar ini adalah merupakan suatu pencabulan terhadap harta yang perlu ditinggalkan untuk generasi manusia akan datang.

## 5.KESIMPULAN

Menjadi tanggungjawab kepada pihak pemerintah, institusi agama dan orang ramai untuk berganding bahu dan berperanan dalam memerangi aktiviti kerosakan alam sekitar. Jika diteliti isi kandungan al-Quran dan Sunnah berkaitan penjagaan alam sekitar dan larangan untuk merosakkannya, maka dapat disimpulkan bahawa ianya adalah urusan agama dan menjadi tanggungjawab Muslim untuk beramal dengannya. Umat Islam perlu menyedari bahawa dunia yang menjadi tempat tinggal ini adalah sementara dan medium perantaraan dalam perjalanan seseorang hamba bertemu dengan pencipta-Nya. Segala tindakan dan perbuatan yang melibatkan hubungan dengan alam sekitar mempunyai nilai pahala dan dosa yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Oleh yang demikian, ruang dan hamparan dunia ini hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya dengan menjadikan hubungan *hablum minallah* dan *hablum minannas* sebagai asas kehidupan untuk memelihara kelestarian dan kestabilan alam yang telah dianugerahkan oleh Allah. Hubungan harmoni antara Pencipta, manusia dan makhluk Allah yang lain adalah asas kukuh dalam merealisasikan kehendak syarak yang berperanan sebagai mewujudkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*).

## 6.RUJUKAN

Al-Quran.

Berita Harian: 8 Ogos 2014.

Jasiman Ahmad. 2003. *Pencemaran Alam Sekitar*, Kuala Lumpur: Jade Green Publication Sdn Bhd.

Khairul Azhar Meerangani. 2018. "Kepentingan Menjaga Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah". *Isu-isu Semasa Islam dan Sains*.

Haron Din. 1990. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Rasyid Ridha. 1991. *Wahyu Ilahi Kepada Muhammad* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Bakri Ishak dan Azmi Sharom. 2007. *Undang-undang alam sekitar, Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia*. Jil. 8.

Maad Ahmad, et al. 2017. *Antara Akal Dan Wahyu Dari Perspektif Islam*. PASAK

Mohd Zuhdi Marsuki & Amir Saifude Ghazali. 2002. *Etika Alam Sekitar daripada Perspektif Islam, Timur & Barat*. Bentong: PTS Publications.

Muhammad Ghufron.2010. *Fiqh Lingkungan*. Jurnal al-Ulum. Gorontalo: AIAN

Noor Shakirah Mat Akhir. 2004. *Rohani Manusia dan Alam Sekitar dari Perspektif Islam*, Jurnal IKIM, 12(2).

Norhibah Hasan Zawawi.1999. *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*. KL: Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

‘Imaduddin & Noor Shakirah. 2016. “Tafsir Ayat-Ayat al-Quran berkenaan Penjagaan Alam Sekitar,” Afkar. Vol. 18 Issue 1.

Smith, K. 1996. *Environmental Hazards: Assessing Risk and Reducing Disaster*. London: Routledge.

Yusuf Al Qardhawi. 2001. *Islam Agama Ramah Lingkungan*, Terjemahan Abdullah Hakim Shah. Jakarta; Pustaka Al-Kautsar.